

09 MAR 2000

TCB-MINYAK

UNIT TENGGARA CAPITAL DLM USAHA SAMA PENEROKAAN MINYAK/GAS DI INDONESIA

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Anak syarikat Tenggara Capital Bhd (TCB) telah menjalin usaha sama dengan Pertamina, syarikat minyak Indonesia untuk meneroka minyak di negara tersebut.

Dalam satu kenyataan, TCB berkata TOB Exploration Sdn Bhd (TOBEX), hari ini telah memeterai satu perjanjian asas operasi usaha sama dengan PT Wirabuana Pan Resources Karapan Ltd untuk meneruskan operasi Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) dengan Pertamina di Blok Karapan, Pulau Jawa, Indonesia.

Perjanjian itu dimeterai di Jakarta antara kedua-dua syarikat dan disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid.

Blok Karapan, yang terletak di 50 kilometer ke timur laut dari Surabaya, Pulau Madura, merangkumi kawasan seluas 3,800 kilometer persegi.

Menurut TCB, lapangan minyak dan gas itu dianggarkan mempunyai simpanan 345 juta tong minyak mentah dan 3.5 trilion BSCF (bilion kaki padu) gas asli.

"Berdasarkan pada kadar pengeluaran 20 operatus yang agak konservatif, 72 juta tong minyak pada harga purata hari ini bernilai AS\$5 bilion (RM19 bilion), dan 3 trilion BSCF gas yang boleh ditemui bernilai kira-kira AS\$3 trilion (RM11.4 trilion)," tambah kenyataan itu.

PSC dengan Pertamina dilanjutkan bagi 30 tahun bagi asas 70:30 bagi gas dengan kelebihan kepada syarikat minyak Indonesia itu.

TCB menyatakan kos pembangunan lapangan minyak dan gas bagi tempoh tiga tahun dianggarkan pada AS\$200 juta (RM760 juta) di mana dana itu akan dikumpulkan daripada dalam TCB Group sendiri.

Terbitan bon bagi menampung sebarang defisit dalam belanjawan pembangunan, jika perlu akan ditimbangan kemudiannya, tambah syarikat itu.

Selain itu, TOBEX juga sedang mengadakan rundingan bagi blok lain di Sumatera di bawah penyusunan Pertamina PSC dengan rizab lima bilion tong bernilai lebih AS\$30 bilion (RM114 bilion).

Pembangunan lapangan minyak itu dijangka berlanjutan 30 tahun.

Sementara itu, TCB juga mengumumkan Tenggara International Petroleum Corporation Ltd (TIPCO), sebuah syarikat usaha sama antara TCB dan Petmal Oil (Malaysia) Sdn Bhd, telah memperolehi jualan membabitkan 6.0 juta tonne metrik (47 juta tong) minyak mentah melebihi AS\$1.1 bilion (RM4.2 bilion).

Ia adalah sebagai tambahan kepada AS\$400 juta (RM1.52 bilion) minyak mentah yang ia telah dijual kepada seorang pembeli Indonesia baru-baru ini.

-- BERNAMA

MOT ZK